

3

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi

Sk: Dr Mohd Azlan B Yahya; Mohd Khairi b. Jaafar

2 MAC 2010/16 RABIUL AWAL 1431H

"UUM : UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)

KERATAN AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 2 MAC 2010 DI RUANGAN NASIONAL MUKA SURAT 30 – “THE FIRST SEMINAR ON ENTREPRENEURSHIP AND SOCIETAL DEVELOPMENT IN ASEAN” (ISE-SODA 2010) ANJURAN INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN & KOPERASI (CEDI), UUM DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT).

LANGKAWI: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyasarkan, sekurang-kurangnya lima peratus lepasan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menceburi bidang keusahawanan mulai tahun depan.

Timbalan Menteri, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata usaha berkenaan sejajar langkah KPT mewujudkan Unit Keusahawanan dan menjalin kerjasama dengan semua universiti tempatan serta seluruh Asean.

"Setakat ini jumlah graduan universiti awam yang berniaga ketika masih belajar sangat kecil, malah jumlah mereka yang men-ceburi bidang usahawan adalah sekitar 24 peratus saja.

"Menerusi usaha KPT dengan kerjasama IPTA, kita menyasarkan lima peratus iaitu sekali ganda daripada jumlah yang ada," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Usahawan Antarabangsa di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Dahlan Ismail dan Pengarah Seminar Usahawan Antarabangsa, Dr Mohd Azlan Yahya.

Seramai 180 peserta terdiri daripada mahasiswa dan kakita-



SAIFUDDIN (kanan) melawat gerai jualan sempena Seminar Usahawan Antarabangsa di Langkawi, semalam.

ngan universiti tempatan, Indonesia, Thailand, Arab Saudi dan Jordan menghadiri seminar tiga hari anjuran UUM itu.

TerDAHULU dalam ucapannya, Saifuddin berkata, pelajar IPT perlu didedahkan dengan asas keusahawanan bagi melahirkan graduan yang berminat untuk menjadikan perniagaan sebagai kerjaya.

"Mahasiswa perlu memiliki pemikiran baru dan tidak hanya

bergantung kepada bidang pekerjaan profesional mengikut kursus diambil di universiti sebaliknya perlu bijak mencari peluang perniagaan menggunakan pengetahuan yang ada.

"Bidang keusahawanan sangat luas dan perlu diterokai mereka, ia memerlukan keberanian untuk mencuba menceburi bidang keusahawanan ini yang pastinya mendatangkan keuntungan lumayan," katanya.

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Universiti Utara Malaysia melalui konsortium keusahawanan yang telah ditubuhkan - ASEAN Universities Consortium of Entrepreneurship Education (AUCEE) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah berjaya menganjurkan "The First Seminar on Entrepreneurship and Societal Development in ASEAN" – ISE-SODA 2010. Seminar ini telah berlangsung dari 27 Februari 2010 hingga 1 Mac 2010, bertempat di City Bayview Hotel, Langkawi dengan temanya "Achieving Regional Growth through Entrepreneurship".

Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 180 orang para peserta dan pembentang kertas kerja yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, universiti-universiti tempatan dan juga antarabangsa. Antara IPTA dan IPTS yang telah terlibat ialah daripada UKM, USM, UIAM, UiTM, UMK, UMT, UniRAZAK, UniKL, USIM, UNIMAP, UUM dan Kolej Komuniti Langkawi. Universiti-universiti luar negara yang turut sama menjayakan seminar ini ialah daripada Rajamangala University, Songkla, Thailand (RSU), Prince of Songkla University, Thailand (PSU) dan Universitas Sumatera Utara, Indonesia (USU). Para pelajar UUM daripada Thailand, Indonesia, Arab Saudi dan Jordan juga telah turut sama menyertai seminar ini. Agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat tempatan yang telah menyertai seminar ini ialah daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Deloitte Consultancy, Medina Solutions Sdn Bhd, Pasaraya Pendang Sdn Bhd dan Lembaga Getah Malaysia.